

2 Ogos 2010 (Isnin)

Cukai taksiran Selangor amat mengelirukan

TUNTUTAN cukai taksiran negeri Selangor amat mengelirukan. Ini adalah kerana notis tuntutan tunggakan terus sampai kepada penghuni pada bulan Julai 2010 tanpa penghuni menerima tuntutan cukai untuk bulan Januari hingga Jun 2010! Notis tuntutan Julai hingga Disember 2010 diterima berserta dengan denda lewat bayar sebanyak RM20.! Yang menjadi musykil, mengapa perlu kena denda sedangkan tuntutan bulan Januari hingga Jun tidak dihantar! Adakah Kerajaan Negeri Selangor hendak menyalahkan proses penghantaran lewat atau kita perlu datang sendiri ke Pejabat Daerah dan bertanya bila notis mahu dikeluarkan untuk cukai sendiri? Apakah kita harus membayar denda yang bukan kesalahan sendiri? Kita juga amat pelik mengapa denda atau caj lewat bayar ini naik begitu mendadak dan berubah-ubah? Semasa kerajaan Barisan Nasional, denda lewat hanyalah RM1 mengikut seksyen-kecil (1) 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Malangnya semasa kerajaan pakatan pembangkang mengambil alih dengan menggunakan seksyen yang sama telah dikenakan denda sebanyak RM15.45 untuk tahun taksiran 2009 dan pada 2010 pula denda lewat telah bertambah kepada RM20 mengikut tunggakan caj seksyen 147 pula!

Walau apa pun alasannya mengenakan denda ini, mengapa denda dinaikkan dengan begitu mendadak dan berubah-ubah pada setiap tahun? Kerajaan pakatan pembangkang Selangor bukan sahaja berjanji mahu menurunkan kadar cukai pintu dan menabur pelbagai lagi janji manis, tetapi tidak semua ditunaikan, malah kini rakyat Selangor berdepan dengan denda cukai taksiran yang amat membebankan dan naik berlipat kali ganda. Apakah kerajaan Selangor sudah kemaruk dengan hasil yang diperoleh dan mencari peluang mendenda rakyatnya jika terleka sedikit? Mungkin inilah konsep 'negeri berkebajikan' sebagai mana dilaung-laungkan dengan megahnya oleh pakatan PKR, Pas dan DAP Selangor! Apakah yang Pas dan PKR buat untuk membela nasib orang Melayu dan Islam di Selangor setelah dua tahun berkuasa? Sedangkan DAP telah mengambil segala peluang yang ada untuk mengungkit hak-hak istimewa orang Melayu termasuk menghapuskan diskaun harta tanah untuk orang Melayu. Mungkin Pas dan PKR layak digelar jaguh di pentas ceramah tetapi tidak ada tindakan yang diambil, umpama tin kosong atau cakap tak serupa bikin! Inilah harga paling mahal yang perlu dibayar oleh sebahagian rakyat Selangor yang begitu teruja apabila pakatan pembangkang mengambil alih pentadbiran negeri!

SHARIALOMAR AL-MUNSYI Rawang, Selangor.

15 Ogos 2010 (Ahad)

Tiga jenis visa saring kemasukan warga asing

PUTRAJAYA 15 Ogos - Semua warganegara asing yang memasuki negara ini akan disaring melalui tiga jenis visa yang perlu dimiliki setelah kemudahan visa sewaktu ketibaan (VOA) dimansuhkan mulai esok. Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Abdul Rahman Othman berkata, tiga jenis visa itu adalah visa dengan rujukan, tanpa rujukan dan tanpa visa. Katanya, melalui tiga jenis visa tersebut, ia akan memudahkan Imigresen membuat penyaringan lebih teliti melalui syarat-syarat visa berbanding VOA yang dikeluarkan sewaktu mereka tiba di pintu masuk. "Sistem tiga jenis visa ini sudah dipraktikkan sebelum VOA diperkenalkan, jadi kita kembali kepada sistem asal kerana ia lebih menjamin keselamatan bagi mengelak mereka menyalahgunakan visa itu. "Visa dengan rujukan diberikan kepada mereka yang ditaja oleh seseorang seperti majikan, visa tanpa rujukan pula adalah mereka yang perlu membuat permohonan dengan Pejabat Perwakilan Malaysia di negara masing-masing. "Tanpa visa pula hanya diberikan kepada negara anggota ASEAN. Bagaimanapun mereka tidak dibenarkan untuk melanjutkan tempoh tinggal di negara ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Abdul Rahman, tempoh tinggal visa dengan rujukan boleh dilanjutkan sebulan demi sebulan sehingga tiga kali berbanding visa tanpa rujukan yang hanya boleh dilanjutkan sekali sahaja. "Kita percaya dengan sistem tiga visa ini, negara dapat membendung penyalahgunaan visa dan kemudahan kawalan pintu masuk. "Ini kerana masa saringan VOA terlalu pendek, tidak sampai setengah jam sahaja mereka boleh memilikinya tanpa kita dapat memeriksa rekod mereka terlebih dahulu sekiranya pernah tinggal melebihi masa," katanya. Dalam pada itu, Abdul Rahman tidak mahu masyarakat keliru dengan istilah visa dengan pas masuk. "Visa berbeza dengan pas yang dikeluarkan kepada golongan tertentu seperti pas pelajar, pas lawatan sosial, pas lawatan kerja sementara, pas iktisas, pas pengajian, pas tanggungan dan pas transit. "Tempoh yang dibenarkan tinggal di negara ini adalah berbeza mengikut pas-pas tersebut dan mereka juga ramai yang membuat kesalahan tinggal lebih masa," katanya. Sementara itu, Abdul Rahman berkata, Jabatan Imigresen akan membangunkan sistem terbaru yang dikenali MYIMMS yang mampu mengenal pasti jumlah warganegara asing yang tinggal melebihi tempoh di negara ini mulai 1 Disember ini. "Keseluruhan sistem Jabatan Imigresen selepas ini akan menggunakan MYIMMS seperti sistem permit masuk, keselamatan dokumen dan penguatkuasaan selain dokumen keselamatan dan sistem kawalan pintu masuk," katanya.

19 Ogos 2010 (Khamis)

MAHB jelas pemberhentian aerotrain

SEPANG 19 Ogos - Pemberhentian sementara perkhidmatan aerotrain menghubungkan terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke bangunan satelit dapat mengelakkan kesan negatif kepada penumpang dan sistem sedia ada. Pengurus Kanan Perkhidmatan Operasi Malaysian Airports Holding Bhd. (MAHB), Datuk Azmi Murad (**gambar**) berkata, pemberhentian sementara itu adalah untuk memberi laluan kepada pembinaan laluan pertukaran antara dua landasan aerotrain sedia ada. Menurut beliau, jika sistem sedia ada diteruskan, bukan sahaja penumpang aerotrain mudah terdedah kepada bahaya malah pekerja bakal menerima nasib sama disebabkan kerja-kerja pembinaan struktur tersebut.

"Sekiranya berlaku masalah pada landasan ketika kerja-kerja penyenggaraan dilakukan, ia mungkin mengganggu perkhidmatan aerotrain landasan yang satu lagi. "Disebabkan itu kita juga berhadapan dengan kemungkinan untuk menutup sistem tersebut dalam tempoh masa lebih lama," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bagi memberi penjelasan mengenai pemberhentian sementara sistem aerotrain di KLIA di sini, hari ini. Pemberhentian sementara sistem aerotrain itu akan bermula pada 1 November ini hingga 15 Mac tahun depan. Sebelum ini, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha memberitahu pemberhentian sementara perkhidmatan itu disebabkan sistem itu mencatatkan jumlah perbatuan satu juta kilometer setelah beroperasi sejak 1998. Azmi berkata, bagi memastikan kelancaran pergerakan para penumpang dan petugas di KLIA, MAHB akan menyediakan 16 buah bas bagi tujuan perjalanan ulang-alik dari terminal utama ke bangunan satelit.

"Kami akan pastikan pergerakan para penumpang tidak terganggu akibat proses penyenggaraan itu kerana perkhidmatan bas tersebut beroperasi 25 jam sehari. "Kami akan memberikan makluman awal kepada para penumpang mengenai maklumat penerbangan dan kakitangan bersedia untuk memberikan bantuan untuk melancarkan lagi perjalanan," katanya. Sementara itu, beliau berkata, penggunaan bas untuk pergerakan para penumpang tidak akan mendatangkan kerugian kepada MAHB kerana ia sememangnya telah digunapakai oleh lapangan-lapangan terbang lain. "Kerugian tidak akan berlaku kerana penumpang tetap akan datang ke sini dan tidak akan ada isu mengenai pengurangan jumlah penumpang. "Cuma apa yang berlaku nanti adalah kesan disebabkan ketidakselesaan penumpang kerana masa pergerakan dari terminal utama ke bangunan satelit bertambah dari 17 minit ke 25 minit," katanya.

23 Ogos 2010 (Isnin)

Isu loji di Sabah: TNB akan kemuka DEIA

KUALA LUMPUR 23 Ogos - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melalui syarikat miliknya Lahad Datu Energy Sdn. Bhd. akan mengemukakan laporan penilaian impak alam sekitar terperinci (DEIA) kepada Jabatan Alam Sekitar (DOE) tentang cadangannya untuk membina loji kuasa arang batu bagi pengeluaran tenaga elektrik 300 megawatt (MW) di Sinakut, Lahad Datu, Sabah. TNB dalam kenyataannya di sini berkata, Lahad Datu Energy bersama-sama dengan juru rundingnya sedang menyemak semula bidang yang menjadi kebimbangan seperti yang ditonjolkan oleh DOE ketika menolak laporan penilaian alam sekitar yang dikemukakan sebelum ini. DOE telah meminta laporan terperinci mengenai langkah-langkah yang mengurangkan kesan buruk bagi cadangan pembinaan loji itu dan laluan transmisi EIA itu, yang merupakan keperluan tambahan yang tidak diperlukan di dalam terma rujukan asal. Lahad Datu Energy akan mendapatkan penjelasan mengenai tahap maklumat terperinci yang diperlukan DOE sebelum dikemukakan laporan DEIA yang disemak semula.

30 Ogos 2010 (Isnin)

LCCT baru bernilai RM2b akan dikenali sebagai KLIA2

SEPANG 30 Ogos – Lapangan terbang tambang murah (LCCT) baru yang dibina berhampiran Kompleks Bunga Raya kini dikenali sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2). Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada majlis pecah tanah lapangan terbang baru berkenaan. Sementara itu, Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) memberi jaminan LCCT baru yang bernilai RM2 bilion itu akan siap pada April 2012. Pengarah Urusannya, Tan Sri Bashir Ahmad berkata, saiz LCCT baru yang akan menampung 30 juta penumpang itu adalah 60 peratus lebih besar dari saiz asal. Sementara itu, pembina LCCT itu, UEM Bhd. berkata, projek LCCT baru berkenaan turut melibatkan pembinaan landasan baru. – Utusan

30 Ogos 2010 (Isnin)

KLIA2 siap April 2012

Oleh AINUL ASNIERA AHSAN ainul.ahsan@utusan.com.my



Lakaran komputer lapangan terbang tambang murah yang baru, KLIA2, Sepang

SEPANG 30 Ogos – Pembinaan Lapangan Terbang Tambang murah yang baru, KLIA2 yang dianggarkan menelan kos sebanyak RM2 bilion akan siap sepenuhnya pada April 2012. Pengarah Urusan Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB), Tan Sri Bashir Ahmad berkata, tempoh pembinaan terpaksa dipanjangkan berikutan permulaan projek yang agak lewat. Menurutnya, masalah itu wujud kerana proses pemilihan tender dibuat secara terbuka. “Berdasarkan semua perjanjian yang dibuat, pembinaan KLIA2 akan mengambil masa 20 bulan. “Kerja-kerja tanah bagi landasan bagaimanapun agak terlewat tetapi kumpulan projek sedang bekerja keras dengan kontraktor untuk meningkatkan kadar kerja supaya landasan itu boleh disiapkan segera,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah lapangan terbang itu di sini hari ini. Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Setakat ini, sebanyak 40 pakej kerja-kerja pembinaan telah diserahkan kepada kontraktor dan bakinya tertakluk kepada tempoh tertentu. Bashir berkata, tempoh pembinaan KLIA2 itu turut mengambil kira saiznya yang 60 peratus lebih besar daripada saiz asal iaitu 150,000 meter persegi kepada 242,000 meter persegi. Saiz Terminal Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT) sedia ada hanya 60,000 meter persegi bagi menampung keperluan 15 juta penumpang. Jelasnya, saiz KLIA2 itu dibuat mengambil kira evolusi model perniagaan AirAsia yang berkembang menjadi model pusat.

Perubahan model itu bakal menyaksikan 50 peratus trafik AirAsia menjadi pemindahan trafik, sekali gus memerlukan ruang kawasan bagi kemudahan pengurusan bagasi untuk pemindahan bagasi. Selain itu, bagi keperluan keselamatan, kerajaan turut memperuntukan keperluan balai berlepas dan ketibaan bagi penumpang antarabangsa dan domestik berasingan. Tambahnya, KLIA2 memperuntukkan sebanyak 68 pintu bagi pengendalian 30 juta penumpang setahun berbanding standard industri 55 pintu. Saiz KLIA2 itu juga mengambil kira peranannya sebagai pusat pelbagai pengangkutan bagi menyediakan rangkaian hubungan yang lengkap. Terminal itu turut menyediakan 6,000 kawasan meletak kereta. Pada sidang akhbar itu, Bashir berkata, KLIA2 bukan eksklusif kepada AirAsia sahaja, sebaliknya ia terbuka kepada mana-mana syarikat tambang murah yang lain. Bashir yakin lapangan terbang itu dapat menarik kedatangan syarikat-syarikat lain apabila ia siap nanti.

1 September 2010 (Rabu)

Segera laksana gaji minimum

Kenapa penetapan gaji minimum dilihat begitu mendesak ketika ini?

KHAIRY: Isu ini berkait rapat dengan kebajikan rakyat keseluruhan. Bagi Pemuda UMNO, isu gaji minimum adalah satu isu nasional yang begitu relevan dengan generasi muda kerana mereka mewakili hampir dua per tiga daripada golongan bekerja. Dalam desakan ini, kalau kita lihat pola kenaikan dan tahap gaji pekerja tempatan, ia berada pada paras yang rendah. Berdasarkan kajian Bank Dunia, purata kenaikan gaji tahunan bagi sektor domestik dan eksport dari 1994 hingga 2007 hanyalah sekitar 2.6 peratus dan 2.8 peratus, berbanding dengan kadar purata dunia yang dipetik daripada laporan Pejabat Buruh Antarabangsa iaitu 3.2 peratus. Ini bermakna dalam tempoh itu, kenaikan gaji pekerja di Malaysia bukan sahaja sangat perlahan, malah ia juga lebih rendah daripada purata antarabangsa. Bahkan, kadar gaji tersebut juga lebih rendah daripada peningkatan produktiviti pekerja sekitar 2.9 peratus bagi tempoh yang sama. Tambahan kepada kenaikan gaji yang rendah ini adalah kenaikan harga barang yang meningkat. Jika kita lihat pada kadar kenaikan inflasi rasmi, ia sebenarnya tidak menggambarkan keadaan sebenar di peringkat rakyat kebanyakan. Kalau kita tengok kenaikan harga barang-barang perlu pula, ia banyak didorong oleh kenaikan secara mendadak.

Namun, dalam membuat perbandingan dengan kadar inflasi yang rasmi, kita masih melihat jurang yang besar antara peningkatan kos sara hidup dengan kadar gaji. Kajian UNICEF menunjukkan bahawa purata kadar inflasi negara dari 1990 hingga 2008 adalah pada tahap empat peratus berbanding kadar kenaikan gaji sekitar 2.6 dan 2.8 peratus sahaja. Apabila kenaikan kadar gaji tidak setaraf dengan inflasi, maka kita akan melihat kuasa membeli pekerja Malaysia dan rakyat jatuh. Apatah lagi maklum balas dan hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Pemuda UMNO mendapati, masih ada pekerja kilang di negara ini yang ditawarkan gaji bulanan sebanyak RM460. Ia jauh lebih rendah daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu sebanyak RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia. Kita berdepan dengan situasi sebegini yang bukan sahaja berlaku di sektor perkilangan tetapi juga sektor tekstil, perladangan dan banyak sektor lain. Kesimpulannya amalan mengharapkan kuasa pasaran bagi menentukan gaji telah gagal. Isu ini juga bukan hanya berkait dengan ekonomi, tetapi isu moral yang mana kerajaan tidak boleh lagi membiarkan tahap gaji yang begitu rendah. Apabila kita bercakap tentang pekerja tempatan di sektor perkilangan, rata-rata majoritinya adalah anak-anak muda Melayu.

Apa yang dibimbangkan ialah mereka akan meragui dasar kerajaan bagi membantu orang Melayu apabila gaji mereka sendiri berada di tahap yang begitu rendah. Jadi saya melihat perjuangan untuk gaji minimum ini adalah perjuangan untuk moral bagi memastikan tiada rakyat dan pekerja Malaysia yang hidup di dalam kemiskinan. Bukan kerana tiada pekerjaan tetapi kerana gaji mereka berada di bawah paras kemiskinan. **Bagaimana** dari sudut kemampuan kerajaan, lebih-lebih lagi dalam tempoh ekonomi sukar seperti hari ini? Perkara ini tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan kerana di dalam penetapan gaji minimum, bukan kerajaan yang perlu bayar atau menampung perbezaan antara gaji minimum dan gaji yang ditawarkan. Tetapi ia menyentuh mengenai persetujuan kerajaan bagi menimbang cadangan memperkenalkan gaji minimum dengan meminda Akta Pekerjaan 1955 bagi tujuan itu. Saya harap ia dapat dilaksanakan pada tahun ini juga memandangkan Model Baru Ekonomi (MBE) akan diperkenalkan pada Oktober ini.

1 September 2010 (Rabu)

2,000 guru j-QAF belum terima surat pelantikan

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Kira-kira 2,000 guru lepasan kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (j-QAF) masih belum menerima surat pelantikan dan penempatan walaupun sudah tamat kursus dan telah ditemu duga. Perkara itu didedahkan Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGGMB), Mohamed Sabri Mohd. Arsad selepas mesyuarat khas bersama Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres) yang dihadiri oleh 16 ahli jawatankuasa semalam. Menurutnya, isu berkenaan telah dibangkitkan dalam mesyuarat dengan Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pelajaran pada 6 Ogos lalu tetapi sehingga kini masih belum ada sebarang kata putus. "Saya memohon agar perkara ini disegerakan kerana guru-guru tersebut sepatutnya diserap pada Jun lalu. "Akibat kelewatan itu, murid tahun enam dan sebahagian murid tahun lima di 500 sekolah perintis j-QAF di seluruh negara menghadapi masalah ketiadaan guru berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran berkenaan," katanya.

Beliau ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan jawatankuasa Kongres terbabit bagi membincangkan mengenai isu pendidikan semasa di Hotel Kuala Lumpur International di sini semalam. Hadir sama Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia yang juga Presiden Kongres, Jemale Paiman. Sementara itu, Jemale memberitahu, kementerian perlu membuat penambahbaikan terhadap laluan kerjaya kepada guru-guru bukan siswazah iaitu pegawai perkhidmatan berkelulusan diploma. "Penambahbaikan itu juga perlu dilakukan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) kerana bahagian itu sering menghadapi masalah mendapatkan pegawai baru disebabkan ruang dan laluan kerja yang kurang menarik," kata beliau. Tambah Jemale, pihaknya juga memohon supaya kementerian membenarkan guru siswazah gred DG48 bergiat aktif dalam mana-mana kesatuan guru.

21 September 2010 (Selasa)

Landasan bawah laut Malaysia-Singapura?

PUTRAJAYA 21 Sept. - Malaysia dan Singapura sedang menimbangkan untuk membina terowong bawah laut bagi laluan sistem transit pantas (RTS) menyeberangi Selat Johor sepanjang kira-kira 1.5 kilometer menghubungkan Tanjung Puteri dengan Woodlands. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, dua cadangan lain ialah membina sebuah jambatan dan sebuah tambak. "Pembinaan terowong merupakan cara paling mesra alam sekitar tetapi ia memakan kos yang lebih tinggi. Cara paling murah ialah membina sebuah tambak tetapi ia bukan pilihan yang baik dari segi alam sekitar. "Kalau kita bina jambatan pula, ia perlu dilengkapi dengan pagar khas untuk membolehkan kapal melaluinya," katanya kepada pemberita pada majlis Aidilfitri Kementerian Pengangkutan di sini hari ini.

Malaysia dan Singapura pada Mei tahun lalu bersetuju untuk membangunkan perkhidmatan RTS sepanjang 1.5 kilometer secara bersama dan ia dijangka beroperasi menjelang 2018. Dalam pada itu, Cho Ha berkata, RTS akan memudahkan hubungan antara rakyat Malaysia dengan Singapura pada masa depan. "Untuk pembangunan masa depan, kita tidak boleh bergantung kepada laluan darat sedia ada yang menghubungkan Malaysia dan Singapura," katanya

27 September 2010 (Isnin)

Johor minta jumlah curi pasir

Oleh KHADIJAH IBRAHIM utusanjohor@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 27 Sept. – Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman meminta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjelaskan jumlah kerugian yang dialami oleh negeri ini akibat kecurian pasir seperti yang dilaporkan baru-baru ini. Katanya, apa yang dibentangkan oleh Pengarah Siasatan SPRM, Mustafar Ali itu tidak terperinci kerana ia melibatkan empat negeri iaitu Selangor, Perak, Pahang dan Johor. "Kita pun nak tahu juga di antara empat negeri itu, berapa kerugian yang dialami oleh Johor atau negeri mana yang banyak mengalami kerugian. "SPRM maklumkan kecurian berlaku di kawasan perairan. Kalau berlaku di Johor, kita nak tahu di mana dan ke mana pasir itu dibawa," katanya ketika ditanya tentang pendedahan SPRM itu. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan cawangan Bank HSBC Amanah Malaysia Berhad (HSBC) di Nusa Bestari, Skudai di sini hari ini. Baru-baru ini Mustafar berkata, empat negeri berkenaan menanggung kerugian RM157.5 juta setahun akibat kecurian pasir dengan RM144 juta diseludup menggunakan tongkang manakala baki RM13.5 juta menggunakan lori. Beliau berkata, kecurian itu bukan sahaja memberi impak kepada hasil kerajaan negeri tetapi turut merosakkan alam sekitar.

27 September 2010 (Isnin)

41 agensi terima penarafan empat bintang Jabatan Audit Negara




Mohamad Hasan dan Ambrin Buang (tiga dari kanan) bersama empat penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan di Port Dickson, semalam.

TELUK KEMANG 27 Sept. - Sebanyak 47 jabatan dan agensi di seluruh negara menerima penarafan empat bintang daripada Jabatan Audit Negara bagi tahun 2009, berbanding hanya 28 pada tahun sebelumnya. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, jumlah itu sekali gus menunjukkan perubahan positif kepada sistem pengurusan kewangan kerajaan. Menurutnya, daripada jumlah itu, 14 adalah agensi di peringkat persekutuan dengan dua badan berkanun menerima penarafan Indeks Akauntabiliti (AI), manakala 31 lagi di peringkat kerajaan negeri. Katanya, peningkatan tersebut menunjukkan tanda-tanda transformasi ke arah penambahbaikan dalam menguruskan kewangan yang diamanahkan. "Sistem AI ini yang diperkenalkan sejak tahun 2007 nampaknya berjaya mendorong ketua-ketua jabatan dan agensi di pelbagai peringkat memperbaiki kualiti pengurusan kewangan dari segi pematuhan kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan. "Kecemerlangan agensi-agensi ini menjadi bukti kerja keras mereka kerana berlaku transformasi dalam bidang pengurusan kewangan agensi masing-masing. "Kita berharap mana-mana agensi yang belum capai tahap ini berusaha untuk memperbaiki imej dan reputasi mereka," katanya selepas majlis perasmian Hari Audit Se-Malaysia dan Persidangan Juraudit Sektor Awam di sini, hari ini. Majlis disempurnakan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan yang turut menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan AI kepada 47 jabatan dan agensi cemerlang dari seluruh negara. Pada majlis tersebut, Kerajaan Negeri Sabah menerima lima anugerah, sementara Negeri Sembilan, Kedah dan Sarawak dengan empat anugerah.

27 September 2010 (Isnin)

Rencana - Mula beroperasi Mac 2012

Oleh Fauzi Jaafar



Pengurus Pembinaan Kejuruteraan Awam, Manja Khamis (kanan) bersama rakan setugasnya meninjau dari atas bangunan jana kuasa Empangan Hidroelektrik Bakun, yang hampir siap di Bakun, Bintulu, Sarawak

SETELAH pelbagai halangan dan rintangan, akhirnya Empangan Hidroelektrik Bakun kini hampir 100 peratus siap dan sedia untuk diuji sebelum mampu beroperasi sepenuhnya pada tahun hadapan. Empangan yang terletak di

Sarawak, khususnya di Bakun jauhnya dari Bintulu kira-kira 185 kilometer (km) dan jauh dari bandar raya Miri ialah kira-kira 300 km serta dari Long Segaham kira-kira 50 minit menggunakan jalan air. Empangan yang mengempangi Sungai Balui merupakan empangan batu dilitupi konkrit (CFRD) yang kedua tertinggi di dunia. Mempunyai ketinggian 205 meter, ia juga adalah kedua terbesar di Asia selepas empangan Shibyanu China yang setinggi 223 meter. Dinding empangan tersebut juga direka bentuk untuk bertahan selama 100 tahun dengan menggunakan batu yang disusun berlapis sebanyak 16.9 bilion kubik meter. Empangan itu sepanjang 643 meter yang dibina di atas kawasan jeram Bakun sesuai dengan namanya. Malah ia dikuatkan lagi dengan penggunaan lebih 12 juta kilogram simen untuk memastikan ia kukuh. Empangan itu akan mengumpul air dari kawasan tadahan seluas 14,750 km persegi atau seluas Kelantan yang mengambil keluasan 11 peratus keluasan Sarawak.

Projek Empangan Hidroelektrik Bakun kini sedang menunggu kelulusan kerajaan negeri Sarawak untuk kerja-kerja menakung air bagi tujuan pengujian turbin. Pengarah Urusan Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB), Ir. Zulkifle Osman berkata, sehubungan itu pihaknya berharap kelulusan diberikan segera sebelum kerja-kerja menakung air dilaksanakan. Tempoh tujuh bulan diperlukan untuk menakung air bagi mencapai paras minimum untuk menjalankan ujian terhadap turbin nombor lapan yang dipasang pada empangan tersebut. "Insya-Allah, kita akan tahu keputusan setelah semua maklumat berhubung persediaan kita di serahkan kepada kerajaan negeri," kata Zulkifle pada taklimat dan lawatan media di Projek Empangan Hidroelektrik Bakun baru-baru ini. Beliau berkata, projek empangan Hidroelektrik Bakun sebenarnya masih belum ditentukan kos secara tepat cuma anggarannya pada RM7 bilion sehingga RM7.3 bilion. Ini kerana katanya, pihaknya akan mengadakan mesyuarat bagi membentangkan segala kos kerana ada kos yang boleh dimasukkan dalam jumlah itu dan ada juga yang tidak boleh dimasukkan. "Kos sebenar kita anggarkan dalam jumlah itu (RM7 bilion hingga RM7.3 bilion) seperti mana yang dilaporkan dalam Parlimen," katanya. Beliau juga memberitahu projek tersebut tidak mengalami kelewatan namun jika ia beroperasi sepenuhnya pada Mac 2012, maka kosnya akan mencecah RM7.3 bilion. Pada satu soalan berhubung kadar tarif yang akan dijual, Zulkifle berkata ia masih dalam perbincangan dan besar kemungkinan kadar tersebut akan diketahui pada Disember ini. SHSB mengambil alih projek tersebut daripada Menteri Kewangan. Diperbadankan dan meneruskan kontrak pembinaan empangan tersebut pada tahun 2003. Jika empangan Hidroelektrik Bakun beroperasi sepenuhnya, ia yang mempunyai lapan turbin dengan kuasa setiap satu sebanyak 300 Megawatt (MW) mampu menjana bekalan elektrik sebanyak 2,400 MW.

27 September 2010 (Isnin)

Rencana - Projek Bakun sejak 60-an



Benteng setinggi 205 meter di empangan bakun bakal menadah air mulai mac tahun 2012.

EMPANGAN Hidroelektrik Bakun sebenarnya bukan projek baru. Ia telah bermula pada tahun 1960-an melalui kerja-kerja mengukur tanah dan kajian diteruskan pada tahun 1980-an. Kajian tersebut merangkumi pelan induk dan upayabina; kajian batuan dan tanah; kajian janaan hidro; reka bentuk empangan; kajian alam sekitar dan sosio-ekonomi dan kajian talian penghantar. Projek itu telah mulakan pada 1986, tetapi dihentikan pada 1990 berdasarkan unjuran merosot kegunaan elektrik disebabkan kemelut ekonomi 1985 dan keputusan membangunkan dahulu industri gas asli negara. Projek berkenaan diteruskan semula oleh Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 1993.

Pada Januari 1994, ia diswastakan kepada Bakun Hydroelectric Corporation, iaitu syarikat usahasama Ekran Berhad, Tenaga Nasional Berhad, Kerajaan Sarawak, Syarikat SESCO Berhad dan Malaysia Mining Corporation Berhad. Bakun Hydroelectric Corporation telah memberi kontrak elektrik, mekanikal dan penghantaran kepada ABB. Baberapa pakar runding yang terlibat ialah Snowy Mountain Engineering Corporation, TNB Hydro (anak syarikat Tenaga Nasional Berhad) dan KLIA Consult. Bagaimanapun, ia terhenti akibat kemelut ekonomi 1997. Pada Mei 2000, Kerajaan Malaysia telah mengambil alih projek dengan membeli kepentingan Bakun Hydroelectric Corporation dan meneruskan projek melalui syarikat milik kerajaan, Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB).

Hanya pembinaan Empangan Bakun diteruskan dan kerja pembinaan ditawarkan melalui kontrak 'turnkey'. Pembinaan talian penghantar bawah laut tidak akan dilaksanakan. Kontraktor baru ialah Malaysia-China Hydro JV Consortium, iaitu syarikat usahasama Sime Engineering Berhad, iaitu anak syarikat Sime Darby Berhad dan Sino-Hydro Corporation dari China. Harga kontrak sivil adalah RM1.8 billion. Kerja elektromekanikal diberi pada satu kontrak kepada IMPSA dari Argentina dan satu kontrak lagi kepada Alstom dari Perancis. Pembinaan Empangan Bakun turut dikaitkan dengan kerosakan alam sekitar, terutama hutan, sungai, tanah dan hidupan liar. Empangan Bakun pernah didakwa golongan antiempangan atau antihidroelektrik menjejaskan lebih 800 spesies tumbuhan, termasuk 67 spesies yang dilindungi, 104 spesies ikan, 229 mamalia dan 43 spesies burung dilindungi, memusnahkan 50 juta meter padu pelbagai jenis kayu balak dan menjejaskan lebih 10,000 penduduk di sekitarnya.

30 September 2010 (Khamis)

Sungai jadi takungan sampah, toksid



Setiap tahun jutaan ringgit dibelanjakan bagi membersihkan sungai daripada timbunan sampah.

SUNGAI yang bersih dan indah persekitarannya akan menjadi tumpuan pengunjung untuk bersantai dengan keluarga atau kawan-kawan pada hujung minggu. Sungai menjadi sebahagian daripada landskap semula jadi yang dicintai dan akses kepadanya biasanya adalah percuma. Kini, kebanyakan sungai yang cantik ialah yang dikomersialkan, dan menjadi tempat perkelahan popular, sekali gus memberikan pendapatan kepada syarikat yang menguruskannya. Banyak kawasan sungai diperindah dengan fasiliti atau kemudahan riadah yang dijaga dan diselenggara dengan baik. Sebagai contoh, kawasan air panas Sungai Klah, di Sungkai, Perak. Setiap ruang di kawasan itu dibangunkan dengan kemudahan untuk pengunjung sama ada untuk kegunaan persendirian ataupun berkumpul. Ketika sungai menjadi sumber air utama penduduk, masalah sungai kotor, tidak timbul. Ia menjadi tempat membersihkan diri, mencuci pakaian dan sumber minuman yang selamat lagi berharga walaupun penggunaannya tanpa had dan tidak dikenakan bayaran. Kawasan tadahan air di sekelilingnya memastikan lebih air ke bumi disalurkan ke dalam sungai semula maka alam semulajadilah yang memelihara aliran ini. Tetapi berapa banyak sungai yang masih memberikan keselesaan dan kenikmatan bagi pengunjungnya berbanding apa yang dilihat di kebanyakan sungai terutama di bandar kini?

Banyak sungai di bandar menjadi tempat melupuskan sampah individu, buangan kilang dan yang paling menyedihkan, ia turut menjadi saluran melenyapkan bayi tidak dikehendaki. Ia merupakan satu 'trend' baru yang tidak bermoral. Sumber air yang begitu menyamakan dicemari manusia yang lupa akan tanggungjawab mereka kepada alam semula jadi. Kilang-kilang turut menyalurkan sisa buangan bahan proses ke dalam parit yang akhirnya mengalir ke sungai-sungai berdekatan. "Mereka lupa kesannya kepada sungai," seorang pelawat dari United Kingdom, Dr. Azrini Wahidin meluahkan rasa tidak puas hati beliau. Azrini dari Universiti Queens, Belfast, Ireland profesor pelawat ke Universiti Malaya dalam bidang kriminologi merasakan semua orang di negara ini sepatutnya sedar mengenai fungsi sungai sebagai sumber air. "Ekosistem yang sihat dan selamat perlu dikekalkan dan ia sebahagian daripada tanggungjawab manusia, jadi mereka perlu mengusahakannya dengan gigih. Jangan lepas tangan dan harapkan agensi kerajaan melakukan sesuatu tanpa penglibatan komuniti sekitar. Banyak aktiviti air boleh dilakukan di sungai. "Ia menyihatkan, jadi peliharalah sungai.

Jangan buang botol minuman ke dalam longkang yang akhirnya akan dibawa ke sungai,” tegur Azrini sambil menunjukkan ke arah sebuah tasik buatan manusia yang bersih terletak berhampiran fakulti undang-undang Universiti Malaya. Azrini amat tertarik dengan aktiviti berkenu yang dibenarkan di tasik itu pada waktu petang.

MENUTRALKAN PH AIR SUNGAI

Bagaimana untuk menyelamatkan air sungai yang kotor? Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan untuk memulihkan air sungai tetapi kedua-duanya bersifat sementara, menurut pakar. EM (Effective Micro organism) atau mikro-organisme berkesan digunakan untuk menjernihkan semula air sungai yang sudah teramat keruh, yang berada pada kelas 4; yang menjadikan tidak selamat untuk berada di dalam air untuk menjalankan sebarang aktiviti. Air akan kembali jernih dan dapat dinyahbau dalam masa dua hingga tiga hari. Kaedah menggunakan ‘mudball’ atau bola lumpur juga berkesan menjernihkan semula sungai serta masalah baunya tetapi ia mudah berpindah mengikut arus air dan impaknya tidak kekal untuk merawat air sungai yang diberikan tumpuan asal itu. Bola lumpur ini diperbuat daripada bahan kitar semula seperti sampah yang dikutip dari sungai, dicampurkan dengan lumpur dan kemudian dimampatkan supaya dapat dibentuk menjadi bola dan kemudian tumbesaran mikro-organisme digalakkan pada bola-bola ini. Mikro-organisme yang terkandung dalam bebola lumpur akan memakan kotoran di dalam air itu tatkala lumpur mula melarut dalam air sungai atau kolam. Semakin tinggi “Usaha inilah yang diambil oleh komuniti di Sungai Way untuk memulihkan sebahagian Sungai Way di bawah program komuniti yang dibiayai NGO serta agensi kerajaan di sekitar kawasan ini.

“Ia satu cara yang baik. Komuniti menyumbang terhadap usaha memulihara sungai di kawasan mereka. Kesedaran sebegini amat perlu. Ia wajar sebagai satu perkongsian ilmu dan tenaga dengan melibatkan pelajar sekolah dan ibu bapa mereka secara serentak,” kata Jurutera Daerah Jabatan Pengaliran dan Saliran, JPS Selangor Ishak Samsuddin semasa ditemui di Karnival Sungai bersempena projek pemulihan Sungai Way baru-baru ini. Kerja membersihkan Sungai Way, sepanjang 2.5 kilometer; sebahagian daripada rangkaian Sungai Penchala yang sedang dijalankan untuk memperbaiki tahap keselamatan airnya kepada Kelas 2B menjelang tahun 2015, dikongsi bersama beberapa syarikat korporat dan agensi kerajaan di kawasan ini seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya(MBPJ), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Global Environment Center, Yayasan GAB, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan entiti lain yang prihatin terhadap pemuliharaan kebersihan sungai. Yayasan GAB melabur sejumlah RM550,000 untuk projek selama 3 tahun ini sejak menceburinya. Kos memulihara sungai serta memulihkan tahap ‘PH’nya mahal dan menjadi semakin tinggi jika tidak dikawal secara berterusan.